

# Umno pinda perlembagaan

# SEKAT POLITIK

NOV 1993

P

KUALA LUMPUR: Perlembagaan Umno akan dipinda bagi menghalang sebarang bentuk politik wang, termasuk pemberian kebendaan dan penggunaan jentera kerajaan oleh calon yang bertanding dalam setiap peringkat pemilihan parti termasuk bahagian dan cawangan.

Nama mereka yang terbukti menggunakan sebarang bentuk sogokan, akan digugurkan daripada pertandingan.

Bercakap pada persidangan akhbar selepas Perhimpunan Agung Umno ditangguhkan semalam, Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Perhimpunan Agung Khas Umno untuk meminda perlembagaan parti mungkin diadakan, secepat-cepatnya tahun ini.

Dr Mahathir menjelaskan cadangan yang dibangkitkannya ketika mengulung perbahasan dalam perhimpunan itu adalah idea secara kasar. Ia akan dikaji dengan terperinci dalam mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) akan datang.

"Saya mencadangkan setiap aduan (mengenai perbuatan sogokan) mestilah tidak kurang mempunyai tiga bukti yang berlainan entiti. Jika ada aduan, kita perlu lihat secara serius. Seseorang tidak secara automatik diketepikan, sebaliknya perlu disiasat dan dibuktikan," katanya.

Ditanya sama ada parti dapat menguatkuasakan peraturan itu, Dr Mahathir berkata, Umno boleh menguatkuasakannya dengan cara menyiasat secara terperinci setiap aduan bagi memastikan tidak ada orang tertentu sengaja membuat aduan bagi menjatuhkan lawan.

Terdahulu, ketika mengulung perbahasan, Dr Mahathir berkata ahli Umno yang mempunyai bukti atau dokumen mengenai amalan politik wang di kalangan calon yang bertanding, sama ada untuk kerusi MT atau peringkat bahagian dan cawangan, boleh mengemukakannya kepada ibu pejabat parti.

"Jika terbukti ada calon membuat sogokan itu, mereka boleh digugurkan daripada bertanding sebarang jawatan dalam Umno," katanya.

"Maklumat itu perlu dikemukakan oleh tiga orang sahaja, yang disokong oleh dokumen tertentu, sebagai membuktikan perkara itu dilakukan.

"Kita tidak mahu cara ini (menggunakan politik wang dan jentera kerajaan) kerana ia boleh merosak dan menghancurkan parti," katanya berucap mengulung perbahasan di Perhimpunan Agung Umno di sini, petang semalam.

Hampir semua perwakilan yang membahaskan ucapan dasar Presiden kelmarin menimbulkan isu politik wang dalam kempen pemilihan kali ini dan mahu tindakan segera diambil bagi menghapuskannya.

Cadangan Perdana Menteri itu mendapat tepukan gemuruh, yang kemudian mengangkat tangan menandakan persetujuan mereka terhadap pindaan perlembagaan parti itu.

Dr Mahathir berkata, beliau berharap tidak ada lagi calon bagi pemilihan Umno menggunakan wang dalam kempen mereka pada masa akan datang, termasuk menghantar pelbagai cendera mata seperti jam, pen dan mesin pengira elektronik kepada perwakilan.

"Kalau ada duit banyak, beri kepada parti supaya kita boleh belanja kepada semua orang," katanya.

Menurut Dr Mahathir, cadangannya itu turut membabitkan calon yang membawa penyokong ke luar negara seperti Medan dan Haadyai sebagai sogokan supaya menyokong mereka dan 'mengurung' ahli supaya tidak dipe

# WANG

LIHAT MUKA 2

# Politik wang patut diseekat

## DARI MUKA 1

ngaruhi oieh lawan sebelum pemilihan.

Beliau berkata, perwakilan Umno juga harus dipersalahkan kerana menggalakkan politik wang apabila ada yang menghantar nombor akaun mereka untuk mendapat sokongan barisan kepimpinan Umno.

Bagaimanapun, beliau menegaskan, gejala politik wang tidak begitu ketara dalam kempen peringkat MT dan jika berlaku pun, ia tidak meninggalkan kesan besar

7 NOV 1998  
jika keputusan pada kali ini diambil kira.

"Saya tidak begitu khuatir dengan perkembangan pertandingan di peringkat Pusat, tetapi lebih bimbang terhadap pertandingan di peringkat bahagian.

"Sehubungan dengan itu, gejala politik wang perlu dihapuskan di peringkat bahagian Umno kerana kesan perpecahan di peringkat bahagian itu boleh melemahkan Umno.

"Kalau kita mahu menegakkan keadilan dan ten-

kan amalan politik wang hendak dihapuskan, ia hendaklah dihapuskan di peringkat bahagian. Bahaya di peringkat bahagian ialah pihak yang kalah akan membawa diri bersama penyokongnya.

"Kita memerlukan perpaduan bukan sahaja di peringkat nasional tetapi juga bahagian," katanya.

Dr Mahathir berkata, gejala politik wang itu juga akan memusnahkan bakat golongan yang berwibawa dan berkemampuan.